

Syarikat Deng Deng rayu teruskan kerja

UM - 7 FEB 2003

CAMERON HIGHLANDS 6 Feb. — Syarikat Deng Seng Enterprise Sdn. Bhd. yang menggunakan jentera berat bagi meratakan kawasan seluas lapan hektar di Blue Valley, di sini, merayu kerajaan agar membenarkan mereka meneruskan kerja pembangunan di kawasan itu secepat mungkin.

Wakil syarikat itu, Kwang Keh Chong berkata, rayuan syarikat tersebut perlu diberi pertimbangan oleh kerajaan negeri kerana mendakwa kerja-kerja pembangunan di Blue Valley tidak akan membawa pencemaran dan kemusnahan di kawasan persekitarannya.

Menurut beliau, tapak projek itu sebelum ini adalah milik Blue Valley Tea Plantation.

Selain itu, beliau mendakwa tekno-

logi moden yang digunakan dalam projek itu bukan sahaja boleh mengelakkan risiko tanah runtuh atau banjir lumpur tetapi mampu mengurangkan penggunaan bahan kimia pertanian sehingga 80 peratus berbanding kaedah tradisional.

“Kami sudah hantar memorandum rayuan, termasuk pelan pembangunan kawasan itu kepada kerajaan negeri dan agensi kerajaan terbabit beberapa hari lalu untuk dipertimbangkan.

“Harap kerajaan dapat memberi kata putus berhubung arahan yang dikeluarkan semalam yang mahu semua kerja pembangunan di tanah tinggi itu dihentikan secepat yang mungkin,” katanya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas arahan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob

semalam supaya semua kerja-kerja pembangunan di Cameron Highlands dihentikan serta merta.

Langkah itu dilakukan bagi mengelakkan berlaku lebih banyak kes pencerobohan tanah di kawasan peranginan itu yang boleh mengakibatkan kemusnahan alam sekitar yang lebih serius.

Kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melahirkan kesedihannya terhadap pembangunan keterlaluan di Cameron Highlands yang terbukti tidak memedulikan soal kepentingan alam sekitar.

“Kita sedih bagaimana Cameron Highlands sudah diratakan sehingga tidak nampak lagi kawasan berbukit, sebaliknya ia menjadi tanah pamah dan saya percaya iklimnya juga akan berubah,” kata Dr. Mahathir.